



# SIARAN MEDIA

## MAJLIS POLEMIK SEJARAH MALAYSIA SESI KE-49 “DASAR EKONOMI BARU”

**KUALA LUMPUR : 10 OGOS 2022 –** YBhg. Datuk Hajah Saraya binti Arbi, Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia hari ini merasmikan Majlis Polemik Sejarah Malaysia Sesi Ke-49 yang bertemakan "Dasar Ekonomi Baru". Majlis polemik ini akan mengupas Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang telah diperkenalkan pada tahun 1970. DEB merupakan program pengolahan ekonomi dengan tujuan serampang dua mata yang merangkumi pembasmian kemiskinan tanpa mengira kaum dan memansuhkan pengenalan kaum dengan fungsi ekonomi. DEB yang berlangsung selama 20 tahun tamat secara rasmi pada tahun 1990.

Pada sesi kali ini, tiga (3) kertas kerja bertemakan "Dasar Ekonomi Baru" akan dibentangkan oleh tokoh penggubal DEB dan ahli ekonomi iaitu YBhg. Dr. Rais Saniman, Penggubal Dasar Ekonomi Baru, yang kedua YBhg. Tan Sri Dato' Seri Sulaiman Mahbob, Pengurus Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia dan yang ketigas YBrs. Prof. Dr Sity Daud dari Universiti Kebangsaan Malaysia. Sesi polemik ini akan dipengerusikan oleh YBrs. Prof. Dr. Khadijah binti Md Khalid dari Universiti Malaya. Objektif Majlis Polemik Sejarah Malaysia Sesi ke-49 adalah seperti berikut:

- i. Memberi pendedahan tentang pentingnya pengetahuan sejarah DEB yang tepat dan betul;
- ii. Membincang, mengemukakan dapatan/ pengkajian baru mengenai Dasar Ekonomi Baru;

- iii. Melengkapkan maklumat dan bahan-bahan sejarah DEB untuk kepentingan sejarah negara; dan
- iv. Menggalakkan masyarakat menggunakan bahan-bahan asal terutamanya bahan-bahan Arkib, yang mengandungi fakta-fakta sejarah dalam kajian dan penyelidikan.

Sebagai imbasan yang lepas, penganjuran Majlis Polemik Sejarah Malaysia (MPSM) Arkib Negara Malaysia telah berjaya menganjurkan sebanyak 49 sesi dan 133 pembentangan kertas kerja sejak daripada tahun 1994 sehingga kini. Fasa pertama melibatkan tema-tema yang menyentuh tentang Zaman Pra-Sejarah, Zaman Pra-Melaka, Zaman Kesultanan Melayu Melaka, Zaman Pra-Kesultanan Johor – Riau dan Zaman Kesultanan Johor – Riau, Sejarah Kedah dari awal hingga abad ke-20 dan Petempatan dan Kerajaan Awal Malaysia Sebelum 1400. Pelbagai aspek telah dibincang bagi setiap zaman tersebut meliputi pengasasan kerajaan, politik, pemerintahan, perdagangan, sosio-budaya, agama, bahasa, petempatan, sistem penggantian, sumber ekonomi, perundangan, adat-istiadat dan lain-lain lagi. Melalui hasil kajian dan perbincangan yang diadakan, gambaran lebih tepat mengenai fakta sejarah negara dapat dilihat, dikongsi dan dinilai bersama.

Bermula pada tahun 2017, Polemik Sejarah Malaysia (MPSM) telah memasuki fasa kedua bertemakan "Negara Bangsa". Tema yang disentuh melibatkan isu-isu semasa yang masih lagi diperdebat dan menjadi pertikaian dalam masyarakat pada hari ini. Antara tema-tema yang diperbincangkan dalam sesi MPSM bagi fasa kedua ini ialah Kemerdekaan dan Pembentukan Malaysia, Perlembagaan, Sejarah Undang-Undang Tubuh Negeri, Persempadanan Negeri, Kesultanan Melayu, Institusi Diraja, Penghayatan Rukun Negara, Hari Kemerdekaan atau Hari Kebangsaan, Tamadun Awal Negara dari Perspektif Sumber Sarjana China dan yang terakhir sekali Kewarganegaraan.

Adalah diharapkan agar Majlis Polemik Sejarah Malaysia (MPSM) Sesi Ke-49 dengan tema "Dasar Ekonomi Baru" dapat menyalurkan maklumat/penemuan baru kepada masyarakat di samping mengumpul pandangan dan saranan masyarakat terhadap topik ini. Diharapkan juga agar program ini dapat memberi input dan maklumat yang berfaedah bagi mendapatkan hasil kajian yang benar-benar berkualiti dan dapat digunakan bagi tujuan penyelidikan dan rujukan semua pihak sama ada dari dalam mahu pun luar negara.

**ARKIB NEGARA MALAYSIA  
10 OGOS 2022**

---

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi: -  
Seksyen Perhubungan Awam dan Promosi  
Arkib Negara Malaysia,  
Tel: 03-6209 0671/0672/0673/0674  
Faks: 03-6201 5679  
Emel: pro@arkib.gov.my